

Sastera Melayu jadi subjek tunggal dikaji

Georgetown: Kementerian Pendidikan sedang mempertimbang cadangan menjadikan Sastera Melayu sebagai subjek tunggal bagi pelajar menengah rendah, selaras pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada 2017.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Operasi Pendidikan), Datuk Sufaat Tumin, berkata pihaknya sedang mengumpul input dan maklum balas pelbagai pihak, termasuk tokoh akademik dan persatuan penggiat sastera tanah air sebelum membuat keputusan.

Memartabatkan sastera
“Cadangan mengangkat martabat subjek sastera banyak dibincang kebelakangan ini. Ada pihak mencadangkan ia dijadikan subjek wajib dan turut diajar di peringkat menengah rendah... bagaimanapun pelaksanaannya memerlukan kajian terperinci dan perlu dinilai setiap aspek,” katanya kepada pemberita di Seminar Kebangsaan Pelajaran Kesasteraan Dalam Pendidikan Negara di sini, semalam.

Dalam seminar bertajuk *Kesusasteraan, Media Dan Industri Kreatif Satu Transformasi Dalam Pendidikan Negara itu,*

enam kertas kerja dibentangkan oleh 15 tenaga pengajar dari Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaya, selain guru sekolah menengah zon utara.

Katanya, ketika ini pengajaran sastera menjadi subjek elektif kepada pelajar Tingkatan Empat dan Lima, manakala komponen sastera (KOM-SAS) menjadi sebahagian daripada sukanan mata pelajaran bahasa Malaysia yang diajar kepada pelajar menengah rendah.

Terdahulu dalam ucapannya, Sufaat berkata, elemen pengajaran sastera berupaya

menjadi pemangkin pemikiran aras tinggi dalam kalanngan pelajar di samping membantu mereka membina jati diri dan meningkatkan semangat cintakan negara serta pemahaman budaya.

Ubah persepsi

Beliau berkata, kementerian itu turut melihat keperluan memasukkan elemen teknologi dan multimedia dalam pengajaran subjek sastera bagi menarik minat pelajar di samping menghakis persepsi masyarakat yang menilai pelajar aliran sastera sebagai kelas kedua.

Sufaat juga menggesa guru mempelbagaikan kaedah penyampaian dalam aktiviti pembelajaran supaya lebih kreatif dalam menggabungkan elemen teks sastera dengan persembahan grafik serta visual interaktif bagi menarik minat pelajar.